

Sains sosial corakkan pembangunan insan

Oleh W. RAHIMAH >> Gambar NAZERI ABU BAKAR



SEBAHAGAIN dari peserta Seminar Kebangsaan Sains Sosial di Hotel Legend.

TIDAK ada tamadun dan negara akan terwujud tanpa manusia atau sumber insani, malah tidak mungkin bumi akan dimakmurkan jika manusia tidak ada. Begitulah hebatnya peranan makhluk bergelar manusia.

Itulah juga tugas yang diamanahkan Allah s.w.t apabila Dia menegaskan kepada para malaikat dalam marhum-Nya; *Ingatlah ketika Tuhanmu berfirmkan kepada para Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.... (Al-Baqarah:30).*

Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa darat, untuk mengujimu tentang apa yang diberikan-Nya kepadamu..... (Al-An'aam: 165)

Sebagai makhluk paling istimewa, manusia yang dikurniakan akal fikiran dan hawa nafsu bagi mengimbangi kehidupan baik dan buruk bertanggungjawab mewujudkan ketamadunan sesuatu bangsa serta menentukan maju atau mundurnya sesebuah negara.

Namun, jika pencapaian dalam kemajuan sains teknologi atau sains tabii tidak diseimbangkan dengan perkembangan pencapaian dalam sains sosial iaitu sains kemanusiaan dan kemasyarakatan, ia akhirnya akan menjahanamkan suatu tamadun dan memusnahkan bangsa negara itu sendiri.

Itulah yang sedang berlaku kini apabila kemajuan dalam ketamadunan sains tabii tidak seiring dengan pembangunan sains sosial, meskipun sains sosial adalah teras dalam mencorakkan pembangunan modal insan, iaitu kemanusiaan.

Menyedari kepincangan dan tingginya jurang dalam dua bidang sains itulah, Institut Sosial Malaysia (ISM) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Institut Pengajian Sains Sosial (IP-SaS) Universiti Putra Malaysia (UPM) bekerjasama mengadakan Seminar Kebangsaan Sains Sosial.

Seminar dua hari bertemakan 'Sains Sosial Teras Pembangunan Modal Insan' pada 20 dan 21 November lalu menghimpunkan kira-kira 50 sarjana dan

pengkaji sains sosial tempatan untuk membincangkan agenda penting isu mengenai kemanusiaan bagi mengembalikan tugas hakiki insani di muka bumi.

Hakikatnya, bidang sains sosial di negara kita masih di peringkat awal apabila ia hanya mula diperkenalkan secara ilmiah sekitar tahun 70-an.

Sebab itu, para pengkaji Sains Sosial masih tercari-cari fungsi, tempat dan peranan mereka sama ada dalam masyarakat itu sendiri mahupun dalam pentadbiran dan kepimpinan negara.

Menurut Pengarah ISM, Prof. Madya Dr. Mohamed Fadzil Che Din, sains sosial merupakan bidang terpenting dalam proses pembangunan sesebuah tamadun, bangsa dan negara.

"Tetapi dalam masa yang sama, golongan ini (sarjana dan pengkaji ilmu-ilmu sains sosial) masih lagi di tahap 'kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang'," katanya.

Ini kerana tegasnya, bidang sains sosial tidak diberi perhatian sewajarnya di dalam kementerian mahupun agensi bagi menaungi, menjana dan memanfaatkan ilmu-ilmu para sarjana sains sosial untuk membentuk insani dan kemanusiaan dalam masyarakat.

"Lebih malang apabila tidak ada peruntukan dana untuk sarjana Sains Sosial di Institut-Institut Pengajian Tinggi (IPT) membiayai serta meningkatkan penyelidikan pembangunan (R&D) sumber manusia dalam bidang ini," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada majlis pembukaan yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Abdullah Sani Baharin.

Sementara itu, Timbalan Presiden Persatuan Sains Sosial Malaysia, Prof. Dr. Mohd Hazim Shah pula berkata, punca masalah ummah mutakhir kini disebabkan tidak ada kesimbangan antara kemajuan sains tabii dengan sains sosial.

Katanya, sains tabii adalah sesuatu yang sudah tersedia, jelas dan bersifat statik. Cuma manusia perlu kreatif berusaha dan mereka ciptanya untuk disesuaikan dengan keperluan semasa.




PROF. DR. MOHD. HAZIM SHAH

Apa kata panel sains sosial:

● Dr. Suppiah Nachiappan

(Pensyarah Psikologi Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris Kuala Kangsar).

"Setiap ibu bapa mesti ambil tahu dan mengawal aktiviti serta pergaulan anak-anak walaupun mereka sudah bekerja dan menuntut di institut pengajian tinggi.



"Kawalan berhemah ibu bapa mesti bermula dari seawal usia dan secara berterusan. Tindakan ibu bapa mesti tegas dan keras, bukan lembut dan kasar.

"Sebab apa juga cara hidup seseorang anak itu terbentuk dan diwarisi sepenuhnya daripada corak hidup kedua ibu bapa mereka," katanya.



● Dr. Zulkifly Othman

(Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia)

"Gambaran kakitangan awam adalah alat pelaksana kerajaan merupakan kawalan yang menyebabkan sumber manusia jadi kaku dan tidak proaktif.

"Amalan hubungan industri dalam sektor swasta harus dicontohi oleh sektor awam untuk diamalkan supaya hubungan dua hala bagi kedua sektor ini lebih terbuka dan memanfaatkan fungsi kemanusiaan," jelasnya.

● Helena Naitsuwe Amadhila

(Pensyarah Universiti Putra Malaysia)

"Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) adalah agen perubahan penting paling berkesan dalam mencorak pembangunan sumber manusia yang perlu dikembangkan dan dikuasai semua peringkat manusia.



"Oleh itu, adalah penting menjadikan ICT sebagai pakej integrasi dalam setiap program pembangunan terhadap sumber manusia," katanya.

Misalnya kata beliau, di mana-mana pun sifat atom dan cahaya dalam sains tabii tetap sama. Jika api itu panas maka di mana dan dalam apa keadaan sekalipun api itu berada, ia tetap panas. Begitu juga ais.

“Tetapi tidak dalam sains sosial yang begitu unik dan kompleks serta tertakluk sepenuhnya kepada fitrah insani itu sendiri.

“Setiap manusia punya fitrah tersendiri yang berbeza antara satu sama lain dalam semua situasi tanpa mengira tempat, jenis, bangsa atau negara mana sekalipun,” jelas beliau.

Sebab itu juga kata Mohd. Hasim, kajian ke atas sesuatu kelompok masyarakat manusia di sesebuah negara dengan negara lain tidak sama. Malah komposisi budaya bangsa sesuatu bangsa juga berbeza, walaupun ia dalam negara yang sama.

“Itulah unik dan kompleksnya sains sosial. Kajiannya perlu berterusan kerana setiap manusia yang dilahirkan punya fitrah berbeza-beza dan penting untuk mencorak pembentukan masyarakat berkualiti dan harmonis dalam sesebuah negara,” ujarnya.